

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 Jun 2009

SOALAN

YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan infrastruktur awam yang mesra OKU (Orang Kurang Upaya) dikuatkuasakan oleh semua institusi Kerajaan serta swasta di seluruh negara.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap pelaksanaan infrastruktur awam yang mesra OKU bagi mewujudkan persekitaran bebas halangan di negara ini. Bagi tujuan tersebut, Kementerian menggunakan pendekatan secara multi sectoral dan multi collaboration dengan agensi-agensi pelaksana infrastruktur awam yang mesra orang kurang upaya (OKU). Antara kerjasama yang dilakukan termasuklah mengadakan perbincangan, mesyuarat dan kempen kesedaran berkaitan penyediaan kemudahan bagi OKU bersama dengan agensi dan Kementerian seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam mesra OKU juga direalisasikan melalui penubuhan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang memberi tumpuan khusus kepada isu-isu berkaitan aksesibiliti dan penyediaan kemudahan kepada OKU. Selain dari itu, terdapat Undang-Undang dan Garis Panduan yang sedang berkuatkuasa dan perlu dipatuhi dalam menyediakan infrastruktur awam yang mesra OKU seperti:- i. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ii. Garis Panduan “ Building Requirements For Disabled Person”, iii. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan OKU. iv. Manual Standard SIRIM: a. SIRIM Code Of Practice MS 1183: Code Of Practice For Means Of Escape For Disabled People. b. SIRIM Code Of Practice MS 1184, Code Of Practice For Access For Disabled People To Public Building. c. SIRIM Code Of Practice MS 1331, Code Of Practice For Access For Disabled People Outside Building Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008, Seksyen 26 (2) juga terdapat peruntukan yang menekankan kepentingan reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses dan penggunaan oleh OKU. Kementerian juga memberi perhatian berkaitan penyediaan kemudahan akses OKU melalui Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Nasional Orang Kurang Upaya. Dasar dan pelan tersebut juga turut memberi penekanan kepada aksesibiliti yang meliputi sub-bidang bangunan awam, pengangkutan, informasi dan komunikasi yang melibatkan pelbagai agensi pelaksana iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Construction Industry Development Board (CIDB), SIRIM, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : Roshayati bt Omar 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Orang Kurang Upaya,JKM 4) No. Tel. : 26165663 Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan:- 1) Nama : Y. Bhg. Dato’ Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JKM Jawapan Disemak Oleh Kementerian: 1) Nama : Y. Bhg. Dato’ Sarippudin bin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

